

PENDAULATAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA ILMU DI MALAYSIA: SEJARAH DAN KEDUDUKAN MASA KINI*

Pendahuluan:

Fasal 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963, disebutkan bahawa, ‘bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu seperti yang diperuntukkan oleh Parlimen, dengan bahawa (a) tidak ada seseorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi), atau mengajar atau mempelajari bahasa-bahasa lain dan (b) tidak ada sebarang peruntukan dalam fasal ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain’.¹

Latarbelakang:

Pencapaian ini adalah hasil usaha dan perjuangan yang panjang dari semua golongan cerdik pandai Melayu, terutama golongan nasionalis yang bertanggungjawab mencari satu identiti kebangsaan bagi negara ini sesuai dengan kemerdekaan yang dicapai. Gerakan kebangsaan negara ini, yang bermula sejak kurun 19, telah menggunakan isu bahasa sebagai salah satu tanda kebangsaan negara. Isu ini diperjuangkan bersama dengan isu-isu lain seperti penghakisan kuasa Raja-raja Melayu, kemasukan orang-orang dagang yang terlalu mudah, sikap negatif orang Melayu terhadap pendidikan serta nilai-nilai sosial dan adat istiadat Melayu yang memberi kesan buruk kepada kedudukan ekonomi mereka dengan kaum lain. Kekayaan ekonomi orang dagang pula telah menyebabkan orang Melayu begitu miskin di tanah air sendiri. Tambahan pula tuntutan politik kaum dagang mula menghimpit orang Melayu. Ini semua sangat membimbangkan para nasionalis Melayu.

Kesedaran terhadap kelemahan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran telah mula disedari oleh pegawai-pegawai Melayu yang menguruskan pentadbiran negeri seperti Johor. Johor yang mula mengalami dan menjalani proses pembangunan ekonomi dan pembangunan ekonomi dan pembaharuan pentadbirannya sejak pertengahan kurun 19 tetapi tetap mengekalkan identitinya sebagai negeri Melayu, mendapati bahasa Melayu perlu dipertingkatkan penggunaan dan pembelajarannya. Ini telah menyebabkan lahirnya sebuah persatuan yang cuba mengatasi masalah ini di negeri tersebut. Dato’ Abdul Rahman Andak, Dato’ Bentara Luar Johor, seorang pembesar penting Johor, telah menubuhkan Persekutuan Belajar Mengajar Bahasa Melayu Johor (PBMBM) pada 1890-an dengan tujuan ‘untuk membetulkan, menambah dan meminda

* Disediakan oleh Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Hajah Ramlah Adam, Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Felo Penyelidik PKIRM/Pensyarah PTKPI, UniMAP.

perkataan bahasa Melayu yang akan diakui oleh kerajaan... seperti perkataan setiausaha, timbalan, jawatankuasa, kerajaan, datin dan lain-lain lagi.² Selepas itu Johor menubuhkan Bahagian Penterjemahan bagi memperkayakan bahasa Melayu di bawah pimpinan Ungku Abdul Hamid bin Tengku Majid, ayahanda kepada Profesor Diraja Ungku Aziz.

1900-1930an.....

Perjuangan dan kegiatan kebangsaan memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah menjadi begitu ketara awal tahun 1900 apabila adanya Kaum Muda dan para ulamak yang menggunakan bahasa Melayu untuk penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat Melayu diseluruh Kepulauan Melayu, termasuk Semenanjung Tanah Melayu. Mereka secara sedar telah menambahkan perkataan bahasa Melayu dengan meminjam perkataan Arab dan menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan orang Melayu secara lebih meluas. Pembelaan mereka kepada bahasa Melayu lama juga dilakukan dengan menggunakannya secara kerap di akhbar-akhbar, ceramah-ceramah dan kuliah-kuliah mereka. Kumpulan ini telah mampu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu terutama dalam menghasilkan kitab-kitab agama Islam sebagai alat penyebaran dakwah Islam dan idea-idea baru dalam akhbar, majalah, risalah dan cerita-cerita tauladan yang dihasilkan. Malah seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Jelutong Press, Penang telah ditubuhkan bagi menentukan penerbitan ilmu Islam melalui bahasa Melayu tulisan Jawi dapat disebarkan kepada masyarakat. Dengan itu, bahasa Melayu telah menjadi lebih meluas penggunaannya dan bukan hanya sebagai bahasa hikayat.³

Di sekitar tahun 1920-an dan 1930-an pula, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Abdul Rahim Kajai, Onn Jaafar, Ibrahim Haji Yaakob, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohamad dan ramai lagi telah menjadi pendukung kepada pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa ilmu/pendidikan. Mereka merasa cukup bimbang dengan bahasa Melayu yang semakin terpinggir penggunaannya dalam pentadbiran British dan Negeri-negeri Melayu.⁴ Tanpa penggunaan itu, mereka bimbang identiti orang Melayu sebagai bumiputra Semenanjung Tanah Melayu akan terhapus.

Pada tahun 1930, Onn Jaafar sebagai pengarang *Warta Malaya* telah membangkitkan hal ini. Dalam satu rencana pengarangnya pada 8 Mac 1930, beliau menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap sikap kerajaan negeri Johor yang lebih mengutamakan bahasa Inggeris dalam pentadbiran dan permakluman surat pekeliling kerajaan kepada orang ramai.⁵ Kata Onn Jaafar:

“Bagi sebuah negeri Melayu, yang diperintah oleh Raja Melayu, yang dipunyai dan diduduki oleh orang Melayu, maka keadaan seperti tidak sekali-kali betul dan patut ... mustahaklah kerajaan negeri itu melihat keadaan itu.... Nampaknya dengan perjalanan sekarang ini bahasa Melayu akan hilang sama sekali seperti bahasa Jakun yang hanya ditutur sesama sendiri sahaja”.⁶

Kebimbangan ini dikongsi sama oleh Abdul Rahim Kajai, ketua pengarang *Majlis*, sebuah akhbar berpusat di Kuala Lumpur. Beliau melihat sikap kerajaan Inggeris dan cerdik pandai Melayu, yang terlalu mengutamakan bahasa Inggeris dalam persidangan negeri, peraturan polis dan lain-lain lagi, akan menjadikan bahasa Melayu sangat rendah kedudukannya atau dalam bahasanya sendiri sebagai 'pokok teratai di atas tidak berpucuk di bawah tidak berurat (berakar), di tengah ditarik kumbang'.⁷

Sekolah vernakular Melayu merupakan satu manifestasi sikap penjajahan British yang merendahkan martabat bahasa Melayu. Sistem pendidikan vernakular Melayu yang dilihat oleh British sebagai satu tanggungjawab politik kepada orang Melayu, telah dijalkannya 'seperti melepaskan batu ditangga sahaja'. Silibusnya sangat mudah dan bersifat kekampungan. Sekolah vernakular Melayu hanya menyampaikan pengetahuan asas iaitu menulis, membaca dan mengira serta bercucuk tanam dan menganyam bakul, yang sangat sesuai dengan kehidupan luar bandar.⁸ Ia tidak bertujuan untuk membangunkan keupayaan mental dan intelektualisme orang Melayu. Sistem itu hanya membolehkan orang Melayu bekerja sebagai kuli dan peon di pejabat, menjadi pemandu tuan mat salleh. Kebanyakan lepasan sekolah vernakular ini akan terus hidup dalam kedaifan dan kemunduran luar bandar. Walaupun ada peluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris, namun itu hanyalah untuk mereka yang berdarah bangsawan. Keadaan ini membolehkan British memerintah dalam sistem pecah-pecah lalu perintah dan mengelakkan orang Melayu bersatu dan mencabar penguasaan British.⁹

Kedudukan sekolah vernakular Melayu yang tidak memuaskan itu menjadi cermin kerendahan martabat dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Oleh kerana bahasa Melayu menjadi bahasa pengantarnya, maka taraf pendidikan yang rendah itu memberi kesan langsung kepada kedudukan bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa ilmu. Malah, ia menjadi lebih parah lagi apabila British hanya menyediakan pendidikan sekolah rendah sehingga darjah 4 atau 5 sahaja. Tidak ada sekolah menengah, sekolah tinggi, atau kolej dalam bahasa Melayu. Dengan itu, bahasa Melayu tidak dapat berkembang lebih jauh dan berfungsi sebagai bahasa ilmu. Ia menjadi bahasa yang kecil, dan dipandang rendah¹⁰ kerana semua peningkatan pendidikan untuk penduduk Tanah Melayu telah dilakukan dalam bahasa Inggeris.¹¹

Para nasionalis Melayu melihat ini sebagai satu tekanan politik kepada orang Melayu.¹² Mereka mencadangkan bahasa Inggeris diajar di sekolah vernakular Melayu untuk membolehkan anak-anak Melayu menguasai kedua-dua bahasa secara serentak.¹³ Mereka juga membantah sikap kerajaan Inggeris yang menggunakan hikayat-hikayat Melayu seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah* sebagai bahan bacaan di sekolah Melayu¹⁴. Bagi Za'ba, hikayat-hikayat yang penuh dengan mitos itu tidak akan memajukan pemikiran dan meningkatkan ilmu moden dikalangan orang Melayu. Za'ba mencadangkan supaya buku-buku teks yang digunakan di sekolah Inggeris itu digunakan juga di sekolah Melayu. Beliau turut mencadangkan penubuhan sebuah pejabat terjemahan bagi tujuan tersebut.¹⁵

Pengenalan sekolah vernakular Melayu juga dilihat oleh golongan nasionalis sebagai satu usaha British untuk mengurangkan penggunaan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu. R. J. Wilkinson dan R. O. Winsteadt, penyelia dan pengarah pendidikan Negeri Selat

dan Negeri Melayu Bersekutu, di awal kurun 20, dengan sengaja telah memperkenalkan tulisan rumi pada tahun 1904 dan memupuknya terus dengan mencetak hikayat-hikayat Melayu dan karya-karya mereka dalam tulisan rumi ini kemudian digunapakai dalam sekolah venekular Melayu. Penyingkiran secara halus ini dilakukan juga bagi memisahkan tulisan Jawi yang sentiasa digunakan untuk penyebaran agama Islam dan tulisan al-Quran. Sebagai penjajah, British melihat pengenalan tulisan rumi akan mencabut akar umbi bahasa Melayu dan pendidikan Islam orang Melayu.¹⁶ Sifat sekular bahasa Melayu telah dimulakan oleh British sebagai satu alat politik dan pendidikan.

Para nasionalis Melayu dalam tahun 1930-an ini, melihat penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerajaan akan membolehkan kedudukan politik yang lebih kuat kepada bahasa Melayu. Mereka mencadangkan bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa perhubungan kaum yang mendiami Semenanjung ini. Dalam erti kata lain, mereka mendesak British supaya menerima dan memastikan bahasa Melayu diletakkan pada kedudukan politik yang tinggi selaras dengan ketuanan politik orang Melayu itu sendiri. Abdul Rahim Kajai misalnya mencadangkan supaya orang asing diajar bahasa Melayu di sekolah kerajaan untuk membolehkan mereka menghormati bahasa Melayu dan memudahkan perhubungan dengan orang Melayu ini akan membolehkan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi. Beliau menentang pendapat Tan Cheng Lock, seorang tokoh perniagaan dan pemimpin Negeri Selat, yang mengatakan bahasa Melayu tidak berguna bagi orang India dan Cina dan menolak bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Melayu. Sebagai seorang peniaga dan pedagang, Tan Cheng Lock lebih selesa dengan bahasa Inggeris.¹⁷

Dalam usaha menjadikan bahasa Melayu itu kukuh dan mampu bersaing dengan bahasa lain untuk jangka panjang, Onn Jaafar mencadangkan beberapa langkah penting. Antara langkah itu ialah:

- a) mengadakan sebuah jawatankuasa bagi tiap-tiap negeri Melayu membincangkan penambahan perkataan Melayu dari bahasa Inggeris. Jawatankuasa negeri-negeri itu kemudian berunding di antara satu sama lain untuk tujuan tersebut.¹⁸
- b) mencetak semula kitab-kitab lama yang penuh dengan ‘perkara yang tinggi seperti siasah negeri dan maklumat dan nasihat membangkitkan perasaan bangsa Melayu dan meningkatkan pengetahuan bahasa Melayu lama’¹⁹ kepada generasi baru yang ‘memandang rendah kepada bahasanya sendiri’ dan ‘bagi mengelakkan kemunduran bahasa yang berterusan.’²⁰
- c) mengarang lebih banyak buku tentang ilmu pengetahuan seperti ‘ilmu pertukangan dan pertanian supaya dapat dijadikan panduan dalam mencari nafkah kehidupan-kepandaian yang tersimpan dalam kepala itu tidak berguna kepada orang lain.’²¹
- d) Patut diadakan satu pejabat bahasa (yang) besar yang dihipunkan di dalamnya pegawai-pegawai dari tiap-tiap negeri Melayu dalam Semenanjung ini khasnya kerana membahaskan, meluaskan dan membesarkan bahasa Melayu sehingga dapat dicakapkan dengan semua makna oleh semua penduduk dalam Semenanjung ini.²²

Idea Onn Jaafar dan nasionalis-nasionalis yang lain memperlihatkan tumpuan mereka terhadap bahasa Melayu sebagai satu isu kebangsaan Melayu yang mesti ditangani. Untuk menjaga kepentingan mereka dan menonjolkan diri sebagai tuan Semenanjung Tanah Melayu, orang Melayu dan British wajib memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pentadbiran negeri-negeri Melayu.

1940an....

Pendudukan Jepun telah membantutkan pembelaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pentadbiran. Sesuai dengan dasar penjajahan Jepun yang keras dan kejam, semua tulisan mereka tentang kebangsaan Melayu termasuk juga bahasa Melayu, disesuaikan dengan kehendak Jepun. Sebagai penjajah baru, Jepun telah menjalankan konsep 'Kawasan Kemakmuran Bersama Asia Raya', yang membawa konsep persaudaraan Asia, dengan Jepun sebagai ketuanya. Dengan itu semua sistem politik, ekonomi dan kebudayaan Jepun diajar dan disebarkan kepada penduduk Tanah Melayu. Ini sangat jelas dalam kandungan akhbar-akhbar Melayu yang diterbitkan dalam pemerintahan Jepun seperti *Malai Shimbun*, *Berita Malai*, *Fajar Asia* dan *Semangat Asia*.²³ Yang peliknya, nasionalis-nasionalis Melayu di atas kecuali Onn Ja'afar telah bekerjasama dengan Jepun untuk menegakkan bahasa Jepun sebagai bahasa utama, walaupun bahasa Melayu masih digunakan.

Nasib bahasa Melayu menjadi lebih parah lagi apabila para nasionalis Melayu itu secara terbuka mencadangkan bahasa Indonesia menggantikan bahasa Melayu. Pemikiran dan pengucapan mereka mula beralih angin. Mereka mula mendewa-dewa penulis-penulis dan nasionalis Indonesia seperti Sukarno, Dr. Hatta, Hamka, Sanusi Pane, Tan Malaka, dan beberapa orang tokoh politik dan seniman Indonesia yang lain.²⁴ Sebenarnya ini selari dengan perancangan politik yang tersirat sejak tahun 1938 lagi. Konsep Melayu Raya telah bermula dikalangan mereka sejak penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) (1938) dan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) (1945) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob. Beliau merupakan ejen Jepun untuk menduduki Tanah Melayu pada tahun 1941. Sebagai balasan, pihak Jepun membenarkan Tanah Melayu merdeka bersama Indonesia dalam konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya pada tahun 1945. Mereka ingin menggabungkan atau meletakkan Tanah Melayu dibawah Republik Indonesia Raya.²⁵ Penjajahan baru ini dimulakan dengan penerimaan bahasa Indonesia sebagai bahasa bersama. Alasannya, seperti kata Abdul Rahim Kajai:

Perubahan baru ini - terima kasih kepada Dai Nippon - telah membuang segala pagar dan segala sempadan yang menceraikan Semenanjung daripada saudara-saudaranya terutama Sumatra. Peluang bekerjasama di antara satu sama lain bukan sahaja terbuka tetapi ialah jua digalakkan oleh Dai Nippon - Johan Bangsa Asia. Tidaklah mungkin bagi kita menghasilkan maksud ini jikalau kita tidak dapat bertukar-tukar fikiran jika kita tidak sebahasa. Sebahasa sahaja pun belum sempurna jikalau tidak sehuruf. Oleh itu kita berhajat kepada peribahasa yang satu dan huruf yang satu. Mana dia bahasanya! Yang mana jikalau tidak bahasa dan huruf yang dipakai oleh sebilangan yang banyak bahasa Indonesia dan huruf Latin yang

dipakai oleh 80 juta orang berbanding dengan Semenanjung dan huruf jawi yang hanya dipakai oleh semillion orang sahaja.²⁶

Cadangan Abdul Rahim Kajai ini yang senada dengan tulisan Za'ba dalam *Fajar Asia*,²⁷ yang menunjukkan adanya satu agenda politik yang besar dari golongan nasionalis Melayu ini. Dengan mengambil bahasa Indonesia dan membuang bahasa Melayu, gabungan politik yang telah dirancang oleh Ibrahim Yaakob dengan sokongan Jepun itu dapat dilaksanakan dengan mudah dan kemas. Perjumpaan Sukarno, Dr.Hatta, Dr.Burhanuddin dan Ibrahim Yaakob di Taiping, Perak pada 1945 merundingkan persetujuan ini. Indonesia yang sedang menyediakan kerangka kemerdekaannya telah bersetuju menerima Semenanjung Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada Republik Indonesia. Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia yang cepat (pada 15 Ogos 1945), telah membantutkan persetujuan itu. Dengan itu harapan Abdul Rahim Kajai, Za'ba dan Ishak Haji Mohamad untuk menerima pakai bahasa Indonesia bagi menggantikan bahasa Melayu tidak tercapai.²⁷ Ternyata para nasionalis ini,yang dahulunya menentang British kerana meminggirkan bahasa Melayu, kini dalam pentadbiran Jepun,telah membunuh bahasa Melayu untuk menerima Indonesia sebagai bahasa dan ketua politikny.

Selepas tahun 1948, pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi Tanah Melayu berlaku dengan jelas dalam usaha untuk mendapatkan kerajaan sendiri dan merdeka. Salah satu perkara yang dipersetujui di antara AMCJA (All Malayan Council of Joint Action) dan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat)²⁸ ialah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Manakala dalam Perjanjian Persekutuan 1948,yang menggantikan Perjanjian Malayan Union 1946, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi pentadbiran di semua peringkat. Bahasa Melayu tulisan Jawi, bagaimanapun tetap menjadi bahasa utama masyarakat Melayu dan pentadbiran Negeri Melayu. Kedudukan bahasa Melayu dalam Perjanjian 1948 ini tetap sama seperti sebelum 1941.²⁹

1950an.....

Pendaulatan bahasa Melayu sebagai satu alat politik penyatuan negara-bangsa Persekutuan Tanah Melayu berlaku pada tahun 1955. Parti Negara (PN) dalam Federal Legislative Council (FLC) atau Majlis Perundangan Persekutuan (MPP),telah mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Cadangan PN ini adalah satu pandangan jauh dari sebuah parti politik yang cuba mencari identiti kebangsaan bagi Tanah Melayu yang akan mendapatkan kemerdekaan dari British selepas pilihan raya persekutuan 1955. Ada beberapa alasan yang telah diberikan. Pertamanya, PN melihat bahawa bahasa Melayu telah menjadi lingua franca bagi Semenanjung dan persekitarannya dan alat perhubungan antarabangsa dalam perdagangan di rantau ini. Penjajahan Barat di rantau ini telah menghilangkan peranannya yang penting itu sehingga bahasa Inggeris, Belanda dan Perancis menjadi bahasa pentadbiran dan perdagangan di negeri-negeri yang dijajah oleh mereka.Oleh itu, adalah sesuai sebagai sebuah negeri yang akan bergerak kearah kerajaan sendiri, bahasa Melayu diberi tugas semula sebagai

satu alat pengucapan yang sama diantara kita dan digunakan diantara kaum sebagai alat komunikasi dan ia sebenarnya adalah bahasa kebangsaan yang sebenarnya negeri ini.”³⁰

Perbincangan tentang cadangan PN ini menerima pandangan balas dari ahli MPP. Seorang anggota UMNO, Dato' Haji Mohammed Eusoff telah menyokong cadangan ini. Bagi beliau telah tiba masanya untuk ahli-ahli MPP memikirkan kepentingan bahasa kebangsaan sebagai alat pembinaan negara yang akan merdeka. Sokongan juga diterima dari MacLeod, seorang penyokong PN; yang bersetuju bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan kerana sifatnya sebagai negeri Melayu. S. O. K. Ubaidullah juga menyokong cadangan ini di samping beberapa anggota MPP yang lain seperti, Encik Mohd. Yusof, Haji Ahmad Fuad, Leong Yew, Koh, Tunku Abdul Rahman, Saadon Zubir dan R. Ramani. Malah anggota MPP telah bersetuju sebulat suara menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu.³¹

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957....

Pendaulation bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu selepas 1957, telah dilakukan dengan bersusah payah oleh Parti Perikatan yang menjadi kerajaan. Parti Perikatan terpaksa, menghadapi permasalahan itu di dalam dan di luar partinya. Pertelingkahan UMNO dan MCA terhadap isu itu telah menyebabkan ketegangan dan kekecohan dalam Parti Perikatan. MCA yang didukung oleh dua golongan yang bertentangan pendirian terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, terpaksa menghadapi satu krisis dalaman yang besar. Kumpulan MCA yang pro-pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah ditentang oleh sebuah kumpulan yang mahu bahasa Mandarin menjadi salah satu bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Negara ini. Ia diketuai oleh Dr. Lim Chong-eu, Presiden MCA yang pula disokong oleh beberapa persatuan sekolah Cina dan badan bukan kerajaan Cina. Tunku Abdul Rahman sebagai Presiden Parti Perikatan terpaksa memberi kata dua kepada kumpulan itu. Untuk mengatasi kumpulan itu, Tun Tan Siew Sien telah menjadi Presiden MCA. Dr. Lim Chong-eu menubuhkan sebuah parti baru yang disokong oleh kumpulan kedua daripada MCA dan diluar MCA.

Ketidaktegahan UMNO/Parti Perikatan untuk memutuskan soal bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tercatat jelas dalam Testament Amanah Politik Perikatan 1956. Dalam peruntukan 'Bahasa Melayu dan bahasa lain', dicatatkan bahawa bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris hendaklah dipakai sebagai bahasa rasmi dalam tempoh 10 tahun... kelayakan-kelayakan bahasa bagi calon-calon (parlimen) hendaklah dihapuskan dan di dalam tempoh 10 tahun seseorang ahli Dewan Undangan yang tidak boleh bertutur dalam 'Bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dengan fasihnya adalah berhak bertutur dalam bahasanya sendiri dengan syarat pengerusi mengetahui bahasa itu serta pula boleh menyalin pertuturan itu'.³²

Peruntukan seperti ini tidak menyenangkan parti-parti pembangkang Melayu itu. PN, PAS dan Parti Rakyat Malaya (PRM) pimpinan Dato' Onn, Dr. Burhanuddin dan Ahmad

Boestamam telah mempertikaikan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi secara berkesan. Bahasa Melayu tidak akan dapat memainkan peranannya dengan berkesan kerana adanya kelonggaran seperti itu. Ia akan sentiasa tercabar kerana peruntukan seperti itu.³³ PAS juga mengambil pendirian yang sama. Dengan kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan kebangsaan dan pendidikan kebangsaan, bererti PAS dengan tegas mendaulatkan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kebangsaan Tanah Melayu merdeka³⁴. Ahmad Boestamam, pemimpin PRM juga mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Parti Buruh Malaya mendesak supaya bahasa Mandrin dijadikan bahasa rasmi dan sistem sekolah Cina diterima sebagai sistem sekolah kebangsaan. Pendirian PBM ini sama dengan sebilangan anggota MCA dan Dr. Lim Chong- eu.

Suruhanjaya Reid, yang dianggotai oleh orang luar untuk mendraf perlembagaan Tanah Melayu merdeka, telah menerima cadangan Parti Perikatan yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa boleh digunakan dalam masa 10 tahun selepas merdeka. Walaupun bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi pembelajaran, penggunaan dan perkembangan bahasa-bahasa lain tetap dibolehkan kecuali urusan rasmi.

Pendauletan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak dapat tidak mesti diselarikan dengan dasar pendidikan kebangsaan. Ini kerana melalui sistem pendidikan kebangsaan ini, pembentukan negara-bangsa merdeka Tanah Melayu akan dapat dipupuk dan dikembangkan supaya perpaduan rakyatnya dapat dilahirkan dengan lebih mudah. Pembinaan Negara-bangsa bagi sebuah masyarakat majmuk seperti Tanah Melayu perlukan satu ejen yang berkesan untuk mencapai matlamat itu; pendidikan adalah pemangkin yang penting bagi proses pembinaan perpaduan politik dan sosioekonomi masyarakat negara ini. Melalui pendidikan ini juga bahasa Melayu boleh memainkan peranan dan dikembangkan sebagai bahasa ilmu.

Penyata Razak 1956 yang menjadi pembina dasar pendidikan negara merdeka telah mengikut peruntukan dalam perlembagaan itu. Penyata Razak mengatakan bahawa sekolah kebangsaan adalah dalam bahasa Melayu dan sekolah-sekolah bahasa venekular lain akan terus kekal selama 10 tahun dan dinamakan sebagai sekolah jenis kebangsaan. Semua sekolah jenis kebangsaan (sekolah yang mendapat bantuan kerajaan) itu, bahasa Melayu akan diajar sebagai mata pelajaran wajib. Bagi sekolah kebangsaan pula, bahasa-bahasa lain akan diajar sebagai satu mata pelajaran jika ada permintaan dari 5 orang penuntut. Pelaksanaan sekolah kebangsaan itu hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1970-an; dengan itu peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dapat dilaksanakan. Sebaliknya, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil terus dipertahankan dan tidak berubah statusnya walaupun mendapat bantuan kerajaan. Kekuatan politik kaum-kaum itu telah menyebabkan ia diiktiraf dalam sistem pendidikan kebangsaan pada hari ini.

Dengan itu pendauletan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi selepas merdeka tidak dilaksanakan dengan lancar. Akibat tentangan dari kelompok-kelompok masyarakat yang disokong oleh parti-parti politik dan persatuan-persatuan quasi politik, proses mendaulatkannya mengambil masa yang begitu panjang dan penuh bermasalah dan masih tidak mencapai matlamatnya. Kepercayaan masyarakat kepada kemampuannya sebagai bahasa

perpaduan dan sebagai satu identiti kebangsaan hanya tercetus dalam minggu bahasa kebangsaan dan lagu Bahasa Kebangsaan yang berkumandang di radio sahaja. Hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga tidak mudah dilaksanakan. Ini terus menjadi isu politik sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969.

Kesimpulannya boleh dikatakan bahawa pendaulatan bahasa Melayu yang bermula sebagai satu isu nasionalisme orang Melayu telah menjadi satu dasar perjuangan kaum nasionalis yang tidak jemu-jemu dibangkitkan sejak awal kurun ini. Mereka melihatnya sebagai satu identiti ketuanan Melayu ke atas negara ini. Setiap parti politik Melayu yang ditubuhkan mendukung cita-cita ini sehinggalah mereka dapat menterjemahkannya dalam perlembagaan Merdeka 1957. Namun terjemahan itu tidak sepenuhnya berjaya kerana desakan-desakan politik kelompok lain. Sistem pendidikan kebangsaan yang menjadi penterjemah itu juga berkompromi dengan desakan kelompok bukan Melayu sehingga ke hari ini. Malah dengan penekanan Wawasan 2020 yang mahukan industri dan globalisme sebagai senjata pembangunan negara dan ummah, bahasa Inggeris telah menjadi tumpuan. Bahasa kebangsaan dengan itu menjadi bahasa rasmi di majlis-majlis kecil negeri dan persekutuan serta majlis sastera dan budaya etnik Melayu. Bahasa Inggeris pula menjadi bahasa ilmu di universiti, bahasa persidangan dan seminar universiti dan badan bukan kerajaan walaupun hanya untuk membincangkan masalah kemiskinan dan sosial untuk masyarakat di Malaysia secara umum. Segala pertemuan politik, ekonomi dan perdagangan antarabangsa di Malaysia menggunakan bahasa Inggeris walaupun wakil dari Indonesia, Jepun dan China tetap berucap dalam bahasa masing-masing.

Apakah kata-kata seorang nasionalis ini masih sesuai kepada kita. `Jika inilah sikap (British) nyata sekali bahasa Inggeris lebih utama dari bahasa Melayu, maka bahasa Melayu nanti jadi bahasa kuli iaitu bahasa yang dicakapkan oleh orang yang tidak berpelajaran Inggeris."³⁵ Apakah ini juga satu realiti politik bahasa Melayu dalam zaman yang bukan lagi dijajah oleh British?

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan dan ilmu pada 1970an hingga 1980an.

Pada tahap ini, pelbagai langkah telah dilakukan untuk memastikan bahasa Melayu memainkan peranan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu. Bahasa Melayu mula digunakan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah, bahasa pentadbiran kerajaan, bahasa perhubungan dan bahasa ilmu di pusat pengajian tinggi. Bahasa Melayu juga sedikit demi sedikit menggantikan aliran Inggeris untuk menjadi aliran kebangsaan sepenuhnya. Bahasa Melayu juga mula diajar sebagai mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah swasta dan jenis Kebangsaan Inggeris, Cina dan Tamil. Malah, semua kuliah yang diajar di universiti-universiti telah digantikan secara beransur-ansur dalam bahasa Melayu seperti di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang. Di samping itu, perancangan bahasa juga telah berlaku dalam tempoh 1970-an. Pembinaan istilah-istilah baru, sistem ejaan yang baru dan kamus-kamus

pelbagai konsep, telah dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP), sebagai badan khas untuk membina bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.

Pada tahun 1970, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) telah menggesa supaya semua darjah Satu dan darjah Dua sekolah-sekolah jenis kebangsaan Inggeris menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.³⁶ Di samping itu, jumlah waktu mata pelajaran bahasa Melayu ditambah. Selain itu, pada peringkat sekolah menengah pula, PENA juga telah menggesa supaya bahasa pengantar di kelas peralihan ditukar daripada Inggeris kepada bahasa Melayu. Tambahan itu, calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diwajibkan mengambil ujian lisan sebagai sebahagian daripada penentu untuk lulus Bahasa Kebangsaan dan mulai tahun 1971 Kertas Am Bahasa Kebangsaan diisytiharkan lulus untuk Sijil Tinggi Persekolahan, yang masih beraliran Inggeris. Di samping itu, kolej-kolej pendidikan tinggi digesa mengambil lebih ramai murid aliran kebangsaan, bagi membolehkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dapat dipertingkatkan. Bagi maktab-maktab perguruan pula bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantarnya dan pelajar-pelajar yang lulus haruslah mampu menguasai dan mengajar dalam bahasa Melayu. Pada peringkat universiti pula, bahasa Melayu telah diwajibkan dalam menyampaikan kuliah. Pada tahun 1976, semua kuliah telah dijalankan dalam bahasa Melayu di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Pada 1983, aliran kebangsaan sepenuhnya telah memasuki universiti sebagai tanda pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dan bahasa pendidikan dan ilmu dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Dalam tempoh 1970-an, sistem peperiksaan juga telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa peperiksaan. Peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut telah dimansuhkan. Di samping itu, murid-murid Tingkatan Lima di sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dikehendaki lulus dalam bahasa Melayu.³⁷ Pada tahun 1971, mata pelajaran Geografi dan Sejarah di dalam peperiksaan Penilaian Darjah 5 telah diperiksa dalam Bahasa Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. Pada tahun 1974 semua mata pelajaran dalam peperiksaan penilaian telah dijalankan dalam bahasa Melayu. Dengan itu penyampaian ilmu dan pendidikan dalam bahasa Melayu telah dimulakan diperingkat sekolah menengah, maktab dan universiti pada 1970an dan 1980an. Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan, bahasa Melayu telah dapat menjadi matang sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu dengan pelaksanaan yang jelas dan tegas dalam semua struktur dan ilmu pengetahuan. Cuma di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil sahaja ia masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana campur tangan politik parti pembangkang atau kurangnya kuasa politik kerajaan untuk melaksanakannya.

Tindakan Memperkukuhkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.

Perancangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu tidak akan lengkap jika perancangan untuk meningkatkan mutunya tidak dilakukan oleh DBP, sebagai ejen perkembangan, pemantapan dan pelindung survival bahasa Melayu. Antara langkah-langkah itu ialah memperkukuhkan sistem ejaan Rumi bersama kerajaan Indonesia, penubuhan majlis bahasa Melayu antarabangsa, pembentukan tatabahasa baru, pembentukan sebutan yang baru, penciptaan istilah-istilah dan penghasilan kamus-kamus pelbagai penggunaan.

1. Sistem Ejaan

Pada 23 Mei 1972, satu kenyataan bersama telah ditandatangani oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Tun Hussein Onn dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Tuan Mahsuri. Kenyataan bersama tersebut mengandungi persetujuan untuk melaksanakan asas yang telah dipersetujui oleh para ahli linguistik dan bahasa daripada kedua-dua negara tentang Ejaan Baru dan Ejaan Yang Disempurnakan. Puncak daripada segala kegiatan penyempurnaan sistem ejaan Rumi ialah perumusan dan pelaksanaan bersama Sistem Ejaan Baru bagi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia pada 16 Ogos 1972. Ejaan baru bersama ini dirujuk sebagai Ejaan Rumi Bersama (ERB) yang diguna hingga kini. Ejaan Rumi Baharu tahun 1972 ialah hasil daripada pemikiran yang matang yang berlandaskan prinsip-prinsip perancangan bahasa yang baik. Ejaan Rumi Baharu merupakan pernyataan pertama daripada perancangan korpus pada peringkat supranasional yang menjadi asas bagi pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu serantau seterusnya. Sebagai sistem ejaan yang dirancang untuk keperluan dua buah masyarakat bahasa yang berlainan latar belakang sosiolinguistik dan sejarah pertumbuhannya, Ejaan Rumi Baharu dirumuskan sedemikian rupa supaya dapat diterima oleh semua golongan pengguna kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Namun, ia tidak terlaksana sepenuhnya; tiap-tiap negara masih terpisah dalam sistem ejaan mereka.

2. Pembentukan Istilah

Dari sudut istilah bagi menggarap ilmu pengetahuan pula, sebuah majlis yang dinamakan Majlis Bahasa Indonesia – Malaysia (MBIM), bagi membuat kerjasama itu telah ditubuhkan pada tahun 1972. Majlis ini telah berjaya menghasilkan sebuah garis panduan untuk ejaan baru, iaitu *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu* dan sebuah lagi untuk peristilahan, iaitu berjudul *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* pada tahun 1975 yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dengan terbitnya buku ini, maka sebahagian besar kekeliruan tentang sistem ejaan bahasa Melayu dapat diatasi. Pada tahun 1976 pula, Majlis Bahasa Malaysia-Indonesia yang telah mengadakan persidangan di Kuantan memutuskan bahawa akhiran “ysis” dan “esis” dalam bahasa Inggeris perlu diterjemahkan secara malar dan diberikan

bentuk “isis” sahaja dan bukan “isa”. Misalnya perkataan “analisa” kini telah menjadi “analisis”.

Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu merupakan hasil yang penting daripada kerjasama tersebut yang telah banyak membentuk kerja-kerja peristilahan. Sejumlah 164,049 istilah dalam pelbagai bidang/subbidang ilmu telah berhasil disepakati. Selain itu, 40 buah kamus istilah dapat diterbitkan dalam tempoh dari tahun 1986-2002 dan beberapa buah kamus lain sedang diusahakan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Jawatankuasa Istilah Kerajaan dan Perjawatan, dan Jawatankuasa Istilah Sains Am. Panduan dan falsafah yang dipegang dalam pembentukan istilah tahap awal itu ialah menjaga kemurnian bahasa Melayu dan panduan ini sebenarnya mengongkong proses pembentukan istilah itu. Namun begitu, beberapa istilah telah dapat bertahan sampai sekarang seperti stesen, kimia, dan sains. Terdapat beberapa istilah waktu itu sudah dipinda oleh sebab tidak dapat mendukung konsep asalnya. Contohnya ilmu jiwa, kajirumpun bangsa, ilmu hisab dan kajibentuk bumi. Istilah yang dipakai sekarang ialah psikologi, matematik dan geomorfologi. Tahap kedua dalam pembentuk istilah berlaku sekitar tahun 1960 hingga 1975. Jawatankuasa Istilah ini telah menghasilkan 71,887 istilah sehingga tahun 1975. Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) telah ditubuhkan sejak Disember 1972, sebagai penasihat tertinggi mengenai bahasa bagi membantu usaha-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahap awal penubuhan JKTBM ialah untuk mewakili Malaysia dalam usaha kerjasama bagi menyusun Sistem Ejaan Rumi Baru dengan Indonesia. Usaha ini berhasil dan dipertingkatkan kemudiannya. Selanjutnya tugas jawatankuasa tersebut mencakupi pula aspek peristilahan dan malahan dianggap oleh kerajaan sebagai badan tertinggi dalam pembentukan istilah Bahasa Melayu.

Pedoman Umum Pembentukan Istilah (PUPI) telah menandakan bermulanya zaman ini. PUPI diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1975. Pedoman ini ialah hasil usaha MBIM yang mengambil masa tiga tahun untuk dibentuk bagi membantu pembentukan istilah untuk bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia. PUPI dibentuk dengan sumbangan pakar ahli bahasa dan ilmu kedua Negara, dengan berpandu kepada amalan dalam usaha yang sama di peringkat antarabangsa. Pedoman ini telah diisytiharkan pemakaiannya oleh Menteri Pendidikan Malaysia dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia pada 30 Ogos 1975.³⁸ Pada tahun 1981, DBP telah mengeluarkan buku *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu*. Buku yang paling muktahir tentang sistem ejaan Rumi bahasa Melayu ialah *Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1996. Menjelang pada tahun 1980-an, akhiran “isasi” atau “ifikasi” yang sangat popular pada tahun 1960-an dan 1970-an telah digantikan dengan penggunaan “pe-an” oleh para penerbit karya ilmiah tanpa sebarang sokongan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Keperluan terhadap istilah-istilah baharu dalam bidang tertentu dan keperluan terhadap istilah bidang ilmu dan profesional yang baharu terus-menerus ditangani oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama pakar-pakar ilmu yang sebilangan besarnya terdidik dalam sistem

pendidikan kebangsaan, yang menggunakan bahasa Melayu. Mereka terlibat secara intensif melakukan penggubalan istilah, menyusun glosari dan kamus istilah serta mengembangkannya dalam kuliah mereka di institusi pengajian tinggi dan juga dalam pengurusan institusi profesional masing-masing. Mereka juga terlibat dalam penghasilan karya ilmiah dalam bentuk buku dan kamus ensiklopedik dalam bidang masing-masing. Dijangka bahawa dengan strategi bersepadu ini, penghasilan karya ilmu dalam bahasa Melayu akan dapat memenuhi keperluan mengilmukan generasi pembina negara.

3. Pembentukan Tatabahasa

Tatabahasa Melayu sebagai asas sistem bahasa Melayu yang berkaitan dengan proses pembinaan kata dan ayat telah menjadi perhatian dan kajian sarjana Eropah, iaitu Belanda dan Inggeris sejak abad ke-17. Usaha penyusunan tatabahasa Melayu yang meninggalkan kesan dan pengaruh yang cukup besar ialah yang dilakukan oleh Pendeta Za`ba. Karyanya yang berjudul *Pelita Bahasa Melayu* sebanyak tiga jilid telah membantu memantapkan perkembangan bahasa Melayu apabila buku tersebut menjadi rujukan utama dalam sistem pendidikan di negara ini selama puluhan tahun sejak 1940-an. Pada tahun 2000, buku itu diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam ejaan Rumi baharu sebagai buku edisi mewah. Dewan Bahasa dan Pustaka berusaha mengemaskinikan tatabahasa Melayu dengan menerbitkan *Tatabahasa Dewan Jilid I* (1986), *Tatabahasa Dewan Jilid II* (1989) dan *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (1993).

4. Pembentukan Sebutan dalam Bahasa Melayu

Usaha membakukan sebutan bahasa Melayu telah mula dibincangkan dan dirumuskan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada tahun 1956. Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Persatuan Linguistik Malaysia pada tahun 1984 telah mula menggerakkan perumusan sebutan baku yang berasaskan rumusan Kongres dan bersempena dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu di sekolah pada tahun 1988, sebutan baku yang dirumuskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah diintegrasikan dalam sukatan pelajaran baharu mata pelajaran Bahasa Melayu. Bahan terbitan yang telah dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka antaranya termasuklah *Pedoman Sebutan Baku Bahasa Melayu*, *Sebutan Baku Bahasa Melayu* (berserta kaset) dan *Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi – Sebutan – Jawi*.

Masalah sebutan disifatkan sebagai masalah yang sangat rumit. Oleh sebab itu, perancangan pembakuannya di Malaysia dilaksanakan selepas dimantapkan aspek-aspek bahasa yang lain. Antara kegiatannya diperturunkan seperti yang berikut:

- i. Mengadakan penyelidikan melalui beberapa bengkel dan seminar sejak awal Rancangan Malaysia keempat (1981)
- ii. Kegiatan kajian tentang sistem fonologi bahasa Melayu dan dialek diadakan sejak awal 1980-an. Beberapa bengkel diadakan sehingga tahun 1987.
- iii. Siri bengkel sebutan baku diadakan dalam tahun 1987 antara DBP dengan Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Kementerian Pendidikan Malaysia, dan pakar-pakar bahasa.
- iv. Perumusan tentang pedoman sebutan baku dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal antara DBP dengan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dan PLM serta pakar-pakar bahasa pada tahun 1987.

5. Pembentukan dan Pengembangan Kamus

Kamus Dewan, iaitu kamus ekabahasa yang pertama bagi DBP adalah satu kegiatan memertabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang dihormati. Inilah asas maruah bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun bangsa dan negara. Pelbagai jenis dan konsep kamus yang telah diterbitkan oleh DBP. Penerbitan kamus untuk penyebaran ilmu dan penyatuan masyarakat sejak 1970 lagi. Antara kamus yang telah diterbitkan oleh DBP bagi memperkukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu adalah:

- i. *Kamus Dewan* , yang telah diterbitkan pada tahun 1970 dan diulang cetak pada tahun 1984, dengan perubahan ejaan mengikut sistem ejaan baru. Ia telah diusahakan sejak 1964. Terdapat 30,000 patah perkataan didalamnya.
- ii. *Kamus Dewan Edisi Baru* diterbitkan pada tahun 1989 (edisi kedua) dengan tambahan perkataan/entri sebanyak 900. Edisi ketiga diterbitkan pada tahun 1994 dengan tambahan entri sebanyak 2000 perkataan. Terbitan pada 1995 pula telah menambah 6,000 perkataan dan terbitan 2005 pula telah menambah 5,000 entri.
- iii. *Kamus Bahasa Melayu Edisi Pelajar* yang diterbitkan pada tahun 1975
- iv. *Kamus Pelajar Bahasa Melayu* telah diterbitkan pada tahun 1983. Kamus Pelajar disusun berasaskan *Kamus Bahasa Malaysia Edisi Pelajar* .
- v. *Kamus Dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu* juga telah diterbitkan pada 1984.
- vi. Untuk pelajar sekolah menengah pula, Dewan Bahasa dan Pustaka menyusun dan menerbitkan *Kamus Bahasa Melayu Edisi Pelajar* pada tahun 1975 dan *Kamus Pelajar Bahasa Melayu* pada tahun 1987.

- vii. Kamus Rendah Dewan Bergambar telah diterbitkan pada tahun 1989 dan pada tahun 2003 terbit edisi keduanya dengan judul Kamus KBSR Dewan Bergambar. Ini adalah kusus untuk pelajar sekolah rendah.
- viii. Terdapat juga kamus yang diusahakan oleh penerbit-penerbit swasta. Contohnya ialah seperti kamus-kamus ekabahasa dan dwibahasa yang diusahakan oleh Mohd Salleh Daud (1973), Sulaiman Masri (1973), Meji Sulung (1974) dan Kader M.A. (1974).
- ix. *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris-Bahasa Cina.*
- x. Kamus istilah dalam pelbagai bidang sains asas, sains kemasyarakatan, dan lain-lain lagi, contohnya *Kamus Istilah Sains Am* (1988); kamus khusus seperti kamus tentang sinonim, dialek, etimologi, ungkapan, peribahasa, dan lain-lain. Kamus ini disusun mengikut keperluan golongan profesional.

Ternyata, sepanjang tempoh 1970-an dan 1980-an, terdapat banyak perubahan yang telah dibuat dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi memertabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pendidikan. Usaha-usaha itu juga memperlihatkan peranan DBP yang penting sebagai ejen melestari bahasa Melayu sebagai bahasa yang berkualiti, maju dan profesional bagi menggarap ilmu dan tamadun bangsa dan negara.

6. Kempen Kesedaran Bahasa

Bagi mengekalkan kewujudan bahasa khususnya bahasa Melayu, beberapa usaha telah dilaksanakan. Sebagai contoh ialah “Program Gerakan Cintailah Bahasa Kita” yang dilancarkan pada 11 Disember 1987 oleh Perdana Menteri Malaysia, bertujuan untuk membina kesedaran dan mewujudkan budaya berbahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat pengguna bahasa di Malaysia. Pelbagai kempen kesedaran bahasa telah dijalankan supaya masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu khususnya akan lebih menghargai bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia. Walaupun kita telah menempuh era yang baru, tidak bermakna bahasa yang kita gunakan juga baru. Kita harus mengekalkan keaslian bahasa kita dalam negara mahu pun di luar negara. Kita sebagai rakyat Malaysia harus bangga dengan bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian yang melambangkan identiti sesebuah bangsa.

Cabaran Bahasa Melayu tahun 1990 hingga 2012 sebagai bahasa ilmu:

1) Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia?

Pada tempoh ini bahasa Melayu mula dicabar kedudukannya dan namanya. Isu bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia sering kali diperdebatkan kerana masyarakat Malaysia masih tidak tahu perbezaan Bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia. Sebenarnya kedua-dua bahasa tersebut walaupun pada zahirnya sama, ianya tetap berbeza dari segi pendefinisian maksud dan latar belakang sejarah. Bagaimana kedua-dua bahasa ini berbeza di kotak fikiran kita? Menurut Pengerusi Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Rahim Aman, berkata penggunaan istilah bahasa Malaysia lebih berbentuk politik dan tidak merujuk kepada ilmu bahasa, sedangkan istilah yang tepat ialah bahasa Melayu dengan mengambil kira sejarah, akademik dan hakikat ilmu.³⁹

Istilah Bahasa Melayu diganti dengan istilah bahasa Malaysia kerana ianya dikatakan bersifat majmuk dan sesuai bagi menggambarkan bahasa yang diterima pakai secara meluas oleh rakyat Malaysia. Bahasa Melayu kononnya menjadi tidak sesuai dengan kerencaman bangsa di negara ini selain tidak seiringan dengan cita-cita mahu mewujudkan bangsa Malaysia yang selayaknya menggunakan bahasa Malaysia. Kononnya juga apabila disebut bahasa Malaysia, maka dunia luar akan menggambarkan satu bahasa yang digunakan oleh bangsa Malaysia sedangkan hakikatnya tidak begitu. Isu Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia mula ditimbulkan kerana kehadiran sesetengah pihak yang melihat bahawa “Melayu” dan Bahasa Melayu tersebut merujuk kepada kaum Melayu sahaja dan kerana itu bahasa Melayu adalah bahasa perkauman, walaupun perlembagaan negara telah meletakkannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pendidikan/ilmu negara, seperti yang disebut oleh Perkara 152, sejak 1957 lagi.

Desakan mereka itu berjaya sehingga Kabinet telah membuat keputusan untuk menggantikan sebutan bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia. Kenyataan daripada Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak :

“Keputusan Kabinet menukar istilah Bahasa Melayu kepada Bahasa Malaysia bagi mengelakkan polemik selain bagi menunjukkan bahasa itu milik semua kaum. Kita tahu Bahasa Kebangsaan itu merupakan Bahasa Melayu, tetapi kita nak bahasa itu dijadikan bahasa kepada semua rakyat Malaysia, tidak kira keturunan, kumpulan etnik dan sebagainya. Kita anggap Bahasa Malaysia sebagai bahasa milik kita semua, itulah rasionalnya”.

Menteri Penerangan Malaysia ketika itu, Datuk Seri Zainuddin Maidin dilaporkan berkata, keputusan sebulat suara itu dibuat Kabinet pada April 2004 memandangkan ia bakal menanamkan semangat bahasa kebangsaan milik semua tanpa mengira kaum. Sehubungan itu, semua kementerian, universiti dan pusat pengajian tinggi yang lain telah diarahkan supaya memaklumkan jabatan serta agensi berkaitan untuk menggunakan istilah Bahasa Malaysia dalam surat-menyurat, notis dan dokumen, berkuatkuasa serta-merta. Istilah Bahasa Malaysia diperkenalkan oleh Bapa Kemerdekaan iaitu Perdana Menteri Malaysia pertama Tunku Abdul

Rahman selepas negara mencapai kemerdekaan sebagai langkah menanam identiti Malaysia. Ia diguna pakai secara meluas sehinggalah 1986 apabila ditukar kepada istilah Bahasa Melayu, kata Zainuddin. Beliau berkata RTM sudah mula menggunakan istilah Bahasa Malaysia untuk merujuk kepada bahasa Melayu dan mengarahkan semua stesen televisyen dan radio swasta serta suratkhbar supaya turut menggunakannya.”⁴⁰.

Adakah alasan itu bernas? Soal perkauman terus ditimbulkan sehingga hari ini; kali ini menyentuh soal agama dan institusi raja. Ternyata ada agenda politik yang tersirat sehingga perlembagaan diganggu gugat. Dasar berlembut kerajaan nampaknya terus digunakan untuk mencabut akar umbi perlembagaan. Harga yang dibayar ialah perpaduan kaum dan keharmonian negara. Rakyat Malaysia, terutama yang mencabar perlembagaan atas nama kebebasan bersuara dan berpolitik, patut disedarkan dengan bersungguh-sungguh. Cukuplah bahasa Melayu menjadi korban kerakusan politik mereka. Namun, bahasa Melayu kekal dalam perlembagaan dengan kedudukannya pada 1957. Biarkan ia terus menjadi bahasa Melayu yang membawa konotasi asimilasi bahasa yang dituturkan oleh semua kaum.⁴¹

2) Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dalam penyebaran pendidikan /ilmu?

Isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan juga hangat diperkatakan dan banyak mengundang kontroversi. Tetapi, yang menjadi mangsa ialah para pelajar yang keliru dengan sistem pendidikan di Malaysia. Bila isu ini mula dibangkitkan? Isu mula timbul apabila pada tahun 1993, Perdana Menteri waktu itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat pengumuman bahawa semua kuliah sains dan teknologi di universiti hendaklah disampaikan dalam bahasa Inggeris. Nada ini tidak sama pada awal tahun 1970-an ketika menjadi Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau dengan tegasnya menyatakan bahawa bahasa Melayu mestilah dijadikan bahasa penghantar untuk semua kursus di universiti. Semasa menjadi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah membuat pengumuman bahawa mata pelajaran sains dan matematik di sekolah akan diajarkan dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003. Alasan yang diberi ialah untuk mendapatkan ilmu antarabangsa yang disebarkan dalam bahasa Inggeris. Kepeyahan untuk melakukan terjemahan dan pembentukan istilah dalam disiplin-disiplin ilmu itu diperingkat universiti juga dibangkitkan, walaupun berjuta mereka yang telah belajar disekolah dan bergraduat diuniversiti menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantaran pendidikan dan penyebaran ilmu itu. Usaha DBP selama ini sia-sia belaka. Wang yang telah dikeluarkan oleh negara untuk menguruskan perkara itu juga menjadi sia-sia. Peranan tenaga-tenaga pakar tempatan dalam perbagai disiplin ilmu, berkubur begitu sahaja.

Pada tahun 2003, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah dilaksanakan dengan kebingungan yang jelas. Semua perkara seperti buku teks, latihan semula guru-guru, kewangan yang banyak dan elaun-elaun khas terpaksa disediakan. Namun, apa yang sangat dasar ialah bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan dan

ilmu telah tercabar dan dipinggirkan. Malah, bahasa Melayu dimalukan dengan peranan yang didokong sejak kemerdekaan negara. Ia sebenarnya adalah satu kejayaan politik kepada golongan yang menolak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu sejak merdeka lagi. Mereka berjaya mempertahankan pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa ibunda masing-masing, tetapi tidak disekolah kebangsaan. Ini yang amat menyedihkan; dasar negara boleh diketepikan oleh golongan tertentu kerana kekuatan kuasa politik dan perpaduan mereka. Dasar negara menjadi berbolak balik kerana pendirian politik yang berbeza-beza. Patriotisme negara tidak penting kepada segelintir rakyat Malaysia.

Penerimaan rakyat Malaysia yang perbagai dalam soal ini. Pemuda UMNO/ Barisan Nasional melahirkan kebimbangan dengan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) menyambut dengan baik penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik bagi mengelakkan sindrom tidak tahu berbahasa Inggeris menjadi semakin buruk dalam kalangan pelajar luar bandar khususnya.⁴²

Kuasa politik pilihanraya 2013 telah menyebabkan kerajaan Malaysia menarik semula PPSMI. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Mahyudin Yassin telah mengambil kira semua pandangan masyarakat terhadap isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Pencapaian pelajar luar bandar yang semakin merosot dalam kedua-dua mata pelajaran itu dalam setiap peperiksaan kebangsaan, bantahan badan bukan kerajaan serta persatuan guru-guru dan dapatan kajian-kajian akademik dan bukan akademik yang negatif telah mendorong penarikan semula dasar itu. Bagaimanapun, sedikit kelonggaran diberi untuk diadakan pengajaran dwi-bahasa dengan pilihan sekolah itu sendiri. Dasar MBMMBI yang dilaksanakan oleh Kementerian sebagai satu strategi memperkukuh dan memertabatkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara serentak dalam sistem pendidikan bagi mengukuhkan pendidikan generasi muda Malaysia.

3) Isu Bahasa Rojak

Bahasa Melayu kini juga terkena pencemaran yang jelas akibat daripada tindakan mencamporadukkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa lain kedalam penuturan dan penulisannya. Ini tidak berlaku kepada bahasa Inggeris yang terus kukuh sebagai bahasa yang disegani. Menurut Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dalam sebuah kenyataan akhbar, beliau menyatakan bahawa bahasa kebangsaan kini didapati luntur terutamanya dalam pertuturan kerana ia dicampur aduk dengan unsur-unsur bahasa rojak. "Kini, jarang kita dapati orang yang boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan yang utuh.``Kebanyakan kita di Malaysia berbahasa Melayu sekerat belut, sekerat ular iaitu sekerat bahasa Melayu, sekerat bahasa Inggeris,``"⁴³

Bahasa rojak bukan sahaja meracuni bahasa Melayu dalam pertuturan seharian, di dalam Dewan Parlimen juga berlaku perdebatan dalam bahasa rojak. "Harapkan pagar, pagar makan

padi', kita mengharapkan pemimpin-pemimpin memberi teladan yang baik, lain pula kejadiannya. Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Ramli Ngah Talib membuat teguran terhadap ahli Parlimen yang suka mencampur-adukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika berucap di Dewan Rakyat. Menurut beliau, "bukan sahaja ini tidak sedap didengar, tetapi lebih serius lagi ialah ia mencemarkan bahasa Melayu". Beliau berkata kecenderungan mencampur-adukkan bahasa timbul antaranya didorong oleh faktor berpengetahuan lebih daripada satu bahasa atau merasakan perkataan bahasa Inggeris mampu memberikan penerangan yang lebih baik lagi kepada daya fikirannya daripada menggunakan bahasa Melayu.⁴⁴

Maka, melihat keadaan bahasa Melayu yang semakin parah, pelbagai langkah dan tindakan oleh kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan untuk memastikan martabat bahasa kebangsaan kita tidak luput ditelan bahasa rojak. Sehubungan dengan isu tersebut, pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 diharap dapat memberi lebih kuasa kepada DBP untuk menangani penggunaan 'bahasa rojak' di kalangan masyarakat negara ini. Raja Muda Perak Darul Ridzuan iatu Duli yang Teramat Mulia, Raja Dr. Nazrin Shah pula telah bertitah bahawa:

“Bahasa Melayu perlu dimartabatkan dan diberi kemuliaan sebagai bahasa kebangsaan yang merupakan sebahagian daripada semangat perjuangan kemerdekaan ketika negara bakal menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50.”⁴⁵

Memperkasa kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

Antara inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) pada tahun 2011 untuk memperkasa kedudukan dan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah disedari dengan sebuah kajian penggunaan bahasa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian ini dijalankan dengan kerjasama para penyelidik tempatan sejak tahun 2010 bagi meneliti tahap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di dalam program pengajian IPTA. Berdasarkan kajian berkenaan, kementerian telah menyediakan Pelan Tindakan Mermartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT yang melalui beberapa strategik iaitu mengukuhkan bahasa Melayu dalam pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan serta meningkatkan pengiktirafan akademia bahasa Melayu dalam perbagai disiplin ilmu dan pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Selain itu, KPT telah menyediakan 25 inisiatif strategik bagi IPTA bagi menyokong pelaksanaan pelan tindakan di atas seperti meningkatkan usaha menambah bilangan artikel berindeks tinggi, penerbitan buku akademik dan memperkukuhkan jurnal tempatan berbahasa Melayu berkualiti sehingga dapat didekkan dalam *Scopus* dan *ISI*. Melalui pelan tindakan ini, pihak KPT telah mewajibkan penerbitan buku dan bahan akademik dalam bahasa Melayu sebagai kriteria perjawatan atau kenaikan pangkat, mewujudkan anugerah kepada ahli akademik di peringkat universiti dalam penerbitan akademik bahasa Melayu, menambah kategori anugerah

baharu iaitu Anugerah Penterjemah Karya Ilmu dalam Bahasa Melayu dan Anugerah Akademik Bahasa Melayu dalam Anugerah Akademik Negara (AAN).

KPT juga telah melaksanakan beberapa langkah ke arah memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di peringkat IPT iaitu mewajibkan semua kursus wajib Universiti dikendalikan dalam bahasa Melayu seperti kursus Kenegaraan Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik dan lain-lain, meletakkan sasaran 30% pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu bagi gugusan sains dan 70% bagi gugusan sains sosial dan kemanusiaan pada tahun 2020, mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil kursus Bahasa Melayu Komunikasi, menterjemah penulisan akademik yang dihasilkan dalam Bahasa Inggeris atau bahasa asing ke dalam Bahasa Melayu melalui Unit Terjemahan di setiap IPT dan telah menganel pasti Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai *focul point* yang mewujudkan hubungan dengan institusi luar negara seperti jabatan-jabatan pengajian Melayu dalam usaha memantapkan pengajian Bahasa Melayu.⁴⁶

Temuramah *Mingguan Malaysia* dengan Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz baru-baru ini mengenai Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, beliau beranggapan bahawa bahasa Melayu mampu menyatukan semua bangsa di Malaysia melalui peranan penting para pemimpin dan beranggapan bahawa satu bahasa untuk semua orang sebagai simbol perpaduan. Berhubung dengan itu, beliau juga mencadangkan agar diwujudkan kelas khas dan kursus bagi orang dewasa khususnya orang luar yang tidak tahu berbahasa Melayu.⁴⁷ Dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, beliau menegaskan bahawa perkara ini mampu dicapai melalui kuasa dan pelaksanaannya oleh kerajaan dan bukannya sekadar cadangan sahaja.

Kesimpulan

Pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pendidikan/ilmu telah dilakukan sejak munculnya kesedaran orang Melayu untuk menjaga kepentingan mereka sebagai satu bangsa yang bertamadun di Tanah Melayu. Tekanan politik British yang mengutamakan bahasa Inggeris dan meminggirkan bahasa Melayu secara halus telah dipersoalkan. Ia menjadi satu agenda nasionalisme yang didokong oleh kebanyakan orang Melayu. Perjuangan itu berterusan sehingga bahasa Melayu dapat dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pendidikan/ilmu dalam Perlembagaan Merdeka 1957 dan kemudian Perlembagaan Malaysia 1963. Segala usaha telah dilakukan bagi memperkasakan kedudukan itu dengan jayanya sehingga akhir kurun 20. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dan kini Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadi penggerak penting kepada dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu di Malaysia.

Namun di awal kurun 21, perubahan dasar telah dilakukan dengan pengenalan PPSMI pada 2003. Ia memang memberi tamparan hebat kepada dasar dan keyakinan masyarakat

terhadap kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Abad ini juga memperlihatkan konsep dunia tanpa sempadan sehingga boleh mencabar identiti negara-bangsa yang dibina sejak abad 16-19 lalu. Anutan fahaman hak asasi manusia yang semakin menguasai minda manusia dan pengaruh ICT yang tidak bertepi, telah mula mengubah semua nilai sosio-budaya dan fahaman politik manusia sejagat. Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini. Bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan teguh kepada dasarnya, usaha-usaha dilakukan bagi meletakkan bahasa Melayu tetap pada paksinya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu. Disamping terus menerima perubahan dan keperluan dunia untuk memastikan kemajuan dan pencapaian Malaysia terus berlaku dan diiktiraf dengan sebaik-baiknya. Kesedaran untuk mengimbangi keperluan negara-bangsa dan tuntutan dunia, menjadikan bahasa Melayu akan terus kukuh sebagai satu dasar negara dan sebagai satu bahasa ilmu, walaupun payah untuk subur dan mewangi dipersada negara.

Nota Hujung

1. Malaysia, 1972. *Perlembagaan Persekutuan (Terjemahan)*, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Cetak Kerajaan, K. Lumpur, hlm. 171-172.
2. *Warta Malaya*, 5 Jun 1931.
3. Perbincangan mengenai sumbangan Kaum Muda dalam memajukan bahasa Melayu ini tidak dapat dihuraikan dengan lanjut kerana ini adalah tanggapan penulis yang paling awal terhadap perkara ini. Kajian yang lebih serius terhadap hal ini patut dibuat, terutama dalam memberi persepsi-persepsi baru terhadap kumpulan ini ataupun gerakan kebangsaan Melayu secara menyeluruh di awal kurun 20.
4. Ini dibangkitkan oleh Onn Jaafar dalam *Warta Malaya*, 23 Oktober 1930 dengan mengatakan bahawa, '...kurang semakin lama semakin kurang. Lihalah sekarang berapa banyak pemberitahu-pemberitahu, kenya.taan dan berbagai karangan berkenaan pejabat tanah, mahkamah, cukai dan lain-lain dalam bahasa Inggeris, padahal tujuannya kepada orang Melayu..'. Abdul Rahim Kajai juga membangkitkan hal yang sama. 'Mengikut Kajai, penggunaan bahasa Melayu tidak dihiraukan oleh kerajaan Inggeris di dalam menjalankan pentadbirannya di TanahMelayu'. Abdul Latiff Abu Bakar, 1984. *Abdul Rahim Kajai, Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 163.
5. *Warta Malaya*, 8 Mac 1930, 'Kerajaan Johor dan bahasa Melayu'.
6. *Warta Malaya*, 23 Oktober 1930.
7. Abdul Latiff Abu Bakar, 1984. *Abdul Rahim Kajai, Wartawan dan Sasterawan*, hlm. 164.

8. Sebuah petikan yang sangat popular dalam menggambarkan sikap dan polisi pendidikan British ini ialah: The curriculum of work will be to be very elementary, but it is sufficient for the ordinary requirements of Malay boys, who will become bullockwagon drivers, padi growers, fishermen, etc. and enable them by the time they have passed the fourth standard for read or to write the simple literature of their mother tounge either in Jawi or in rumi, to keep accounts of they become small shopkeepers and to work simple problems in money currency, weights and measures of their country. *The System of Education in the Federated Malay States*, Special Report on Education Subject, 1905, cd. 2379, pp. 9.
9. Untuk keterangan lanjut mengenai dasar pendidikan British kepada orang Melayu lihat Philip Loh, *The Seed of Separatism*, Kuala Lumpur: OUP, 1974, Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, Kuala Lumpur: DBP, 1991.
10. Abdul Rahim Kajai mengatakan Tan Cheng Lock telah menolak bahasa Melayu oleh kerana kalimah-kalimah bahasa Melayu ini tidak faedah untuk pengetahuan am, tidak mengandungi peribahasa yang dalam untuk khidmat berbagai-bagai ilmu wajib seperti sains, kedokteran, kehakiman, geografi, falak...'. *Majlis*, 6 Disember 1934, dipetik dari Abdul Latiff Abu Bakar, *op cit.*, hlm. 164.
11. Ahmad Boestamam dalam *Majlis*, 17 Januari 1940.
12. R. O. Winteadt, Pengarah Pelajaran Negeri Selat dan Negeri Bersekutu pada tahun 1931 telah mengatakan bahawa 'to introduce English would have the penicous result of sending the Malay away from his land to seek town life, generally as government subordinate'. *The Educational Yearbook of the International Institute of Teachers College*, Columbia University, 1931, pp. 98.
13. Onn Jaafar dalam *Warta Malaya*, 28 Oktober 1930.
14. Ahmad Boestamam dalam *Warta Ahad*, 23 Januari 1937.
15. Cadangan Za'ba ini telah dilaksanakan pada 1924, apabila sebuah institusi yang dikenal sebagai Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College (SITC) atau Maktab Perguruan Sultan Idris), telah ditubuhkan. Za'ba menjadi Pengarahnya yang pertama. Untuk keterangan lanjut tentang pejabat ini lihat Abdullah Sanusi Ahmad, *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang-bidang Sekolah Melayu dan Kesusasteraan Di kalangan orang Ramai*, Kuala Lumpur: DBP, 1966.
16. Teguran Za'ba ini agak kurang benar sepenuhnya. Pada tahun 1924 atau 1927, telah diterbitkan sebuah buku teks bagi bahasa Melayu oleh guru besar SITC, Haji Hashim Hj. Talib, dengan judul *Pelita Mengarang*. Buku bahasa ini digunakan bagi panduan guru-guru bahasa Melayu sebelum Za'ba menghasilkan bukunya *Pelita Bahasa*. Mengikut Buyung Adil, Za'ba menjadikan buku teks ini sebagai salah satu rujukannya dalam menghasilkan kerjanya menyediakan teks bahasa Melayu yang baru, yang dihasilkannya sekitar tahun 1930-an. R. J. Wilkinson juga telah menghasilkan

- kamus Melayu pada awal 1910-an tetapi Za'ba melihat ia tidak sempurna kerana ditulis oleh orang asing.
17. *Majlis*, 26 Februari 1936, dipetik dari Abdul Latiff Abu Bakar, op cit., hlm. 164-165.
 18. *Warta Malaya*, 5 Jun 1931.
 19. *Ibid*, 11 Januari 1930.
 20. *Ibid*, 16 April 1931 dan 28 Mei 1931.
 21. *Warta Malaya* 11 Januari 1930.
 22. *Warta Malaya*, 15 Febuari 1931. Cadangannya ini telah dilaksanakan oleh beliau semasa menjadi Ahli Dalam Negeri pada 1955, dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa penubuhan sebuah pusat pengkajian dan perkembangan bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan pada 1956 dengan Ungku Abdul Aziz, pensyarah Universiti Malaya menjadi Pengarahnya yang pertama. Ungku Aziz adalah anak saudara Dato' Onn dan sepupu kepada Prof Syed Naguib dan Syed Hussain Al-Attas, tokoh-tokoh ilmuan Melayu yang tersohor.
 23. Untuk keterangan lanjut lihat Ramlah Adam, 'Semangat Asia and Fajar Asia: A Study of local magazines during the Japanese Occupation in the Malay Peninsular, 1943-1944', 13th IAHA Conference, Sophia University, Tokyo, September 5-9, 1994.
 24. Ini sangat ketara dalam *Fajar Asia* yang dipimpin oleh Zainal Abidin/Za'ba. Rencana-rencana nasionalis-nasionalis Indonesia itu dimasukkan dengan begitu kerap sekali dan kadang-kadang dalam bahasa dan ejaan Indonesia sepenuhnya.
 25. Ishak Haji Mohamad yang menjadi pengarang *Semangat Asia* merupakan penulis rencana yang kerap sekali mengagungkan pihak pentadbiran tentera Jepun. Beliau menulis sebuah cerpen bertajuk *Menebus Dosa* dengan menggalakkan perpaduan semua bangsa di Semenanjung bagi menakluk Sumatera dan Malaya dalam Semangat Asia Raya. Sebuah ruangan 'Taman Kanak-Kanak' yang dikendalikannya dengan nama pena Bung Sakura, cuba menanamkan semangat pentingkan kerja tangan dan membuat perkakas keperluan harian dengan tunjuk ajar Jepun, yang dianggapnya sebagai 'saudara tua kita'. Dalam rencana bertajuk 'Mengajar bangsa dengan perbuatan', yang menggunakan nama H.M. Ishak, beliau memuji semangat seorang pemuda Melayu yang menunjukkan satu perubahan sikap baru orang Melayu, yang sepatutnya mengutamakan ekonomi perniagaan dan barang keluaran Jepun. A. Samad Ismail pula menulis sebuah cerpen yang memuji seorang petani yang berusaha mengatasi kekurangan makanan dengan menanam ubi kayu bagi menyambut seruan pemerintah Jepun. Za'ba pula mencadangkan orang Melayu menjadi "Malai baru" dan bekerjasama dengan Jepun bagi mendapat bantuan memajukan bangsanya. Ibrahim Haji Yaakob pula menulis rencana mengenai keagungan Melaka sebagai sumber semangat kekuatan orang Melayu untuk menyokong Jepun dalam Semangat Asia

- Raya. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini, lihat SP84-Surat Persendirian Haji Abdul Manan Chik, Arkib Negara, K. Lumpur.
26. *Semangat Asia*, Bilangan 8, 2603.
 27. Za'ba mencadangkan supaya tulisan bahasa Melayu disatukan dengan bahasa kawasan kepulauan Melayu yang lain di bawah lindungan Jepun. *Fajar Asia*, No. 10 Sichigatsu 2603.
 28. Ibid.
 29. Gabungan AMCJA-PUTERA ini telah dibuat pada Disember 1946 bagi menentang UMNO yang telah diterima oleh politik orang Melayu dalam merundingkan pembubaran Malayan Union yang ditentang oleh orang Melayu. PUTERA adalah terdiri daripada persatuan dan parti politik radikal dengan diketuai oleh PKMM, manakala AMCJA pula terdiri dari persatuan/Parti politik bukan Melayu yang dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Mereka menentang British, Raja-raja Melayu dan UMNO kerana mengekalkan penjajahan British dan ketuanan Melayu dalam politik Semenanjung. AMCJA-PUTERA dan PKM mahu British memberikan kemerdekaan dan menggunakan prinsip demokrasi di kalangan penduduk Tanah Melayu seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Rakyat yang dibuat pada akhir 1947.
 30. Ini didasarkan kepada kandungan isi Perjanjian Persekutuan 1948 mengatakan dalam Bahagian 15-Berbagai-bagai, fasal 156, mengatakan perjanjian ini hendaklah dizahirkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tetapi bagi memahami pengertian perjanjian ini hendaklah satu naskhah dalam bahasa Inggeris sahaja. Federation of Malaya Government Gazette Federal, 1949. *The Federation of Malaya Agreement 1948*, K. Lumpur, hlm.2-134.
 31. Federation of Malaya, Proceedings of the Federal Legislative Council, (7th Session), March 1955 to Jun 1955, 'National Language', 31 March 1955.
 32. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini lihat Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara .
 33. *Warta Negara*, 6 Julai 1955, 26 Februari 1955 dan 8 Mei 1955.
 34. SP 28 (Surat Persendirian Hassan Adli) - PAS 1955-1964, Memorandum PAS kepada Suruhanjaya Bebas.
 35. *Warta Malaya*,16 April 1931.
 36. Mukhtaruddin Raja Mohd Din, 1982. *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan bahasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.
 37. Ahmat Adam, 1994. *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 95.

38. Abdullah Hassan, 1987. *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 85.
 39. *Pembinaan-dan-perkembangan–bahasa*. (Oktober 2010). Diperolehi pada 30 Januari 2014. <http://ifeanesialval.blogspot.com>.
 40. *Keputusan tukar B. Melayu kepada B. Malaysia elak polimek (4 Jun 2007)*. Diperoleh pada 30 Januari 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/article>.
 41. *Memberi signifikan Bulan Bahasa*. (5 Oktober 2009). diperoleh pada 30 Januari 2014, Utusan Malaysia Online, <http://www.utusan.com.my>.
 42. Tajul Ariffin Noordin, Roslee Ahmad, & Rahimawati Abdul Rahim, 2007. *Membina Pelajar Cemerlang*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
 43. “Bahasa Melayu kian luntur-Masyarakat bersikap tidak peka gunakan bahasa rojak”, (27 April 2004). Diperoleh pada 30 Januari 2014. <http://www.utusan.com.my/utusan/info>.
 44. “Ramli tegur penggunaan bahasa rojak di Dewan Rakyat”, (18 April 2006) . Diperoleh pada 30 Januari 2014. <http://www.malaysiakini.com/news>.
 45. Raja Dr. Nazrin Shah Sultan Azlan Shah, 2007. “Ucapan dalam Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan penggunaan Bahasa Melayu”, 19 Julai, Kuala Lumpur: Dewan Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Lihat juga Azahari Edin, (15 Ogos 2007), *Seminar Bahasa Rojak : Kecelaruhan penggunaan bahasa Melayu*, diperoleh pada 30 Januari 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/article>.
 46. Mohamed Khaled Nordin, 2011. “Ucapan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia sempena Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT dan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 Peringkat Kementerian”, 27 Oktober, Putrajaya: Dewan Utama, Kementerian Pengajian Tinggi, hlm. 1-11.
 47. Temuramah dengan Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dalam Mingguan Malaysia bertarikh 26 Januari 2014.
-
